

PERTAPIS CARE & SHARE 23 JULY 2011



MENERIMA HABUAN: Dr Faishal sedang menyampaikan habuan kepada para penerima. Antara mereka ialah Cik Maimun Mohamed Bakri (dua dari kanan) dan Encik Choo Choong Cheong (empat dari kanan). -- Foto TUKIMAN WARJI

BERITA HARIAN 25 Jul 2011

Semangat membantu tanpa kira kaum, agama papar keihsanan masyarakat

**Oleh
Safhras Khan**

MEMBANTU golongan susah, tidak kira bangsa, agama atau bahasa merupakan antara ciri-ciri semangat Singapura.

Semangat membantu itu penting dan ia mencerminkan keihsanan masyarakat Singapura secara umum.

Itulah yang ditekankan Anggota Parlimen GRC Nee Soon, Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, sebagai tetamu terhormat dalam acara kebajikan anjuran Pertapis di Joo Chiat Complex, pagi kelmarin.

Dalam majlis yang turut dianjurkan bersama oleh Persatuan Pedagang Joo Chiat Complex dan Kelab Masyarakat Geylang Serai, seramai 500 penerima telah mendapat habuan berupa makanan, keperluan asas dan wang tunai.

Pertapis telah menerima sokongan daripada beberapa badan bantu diri seperti, Catholic Welfare Service, Singapore Buddhist Lodge dan Lotus Light Charity Society.

Menurut Dr Faishal, majlis yang diadakan setahun sekali sebelum menjelang Ramadan itu bertujuan membekalkan keperluan makanan asas dan sedikit imbuhan dalam bentuk wang bagi golongan yang memerlukan.

'Diharapkan dengan pemberian habuan ini, sedikit sebanyak akan membantu persediaan penerima habuan dalam menjalani ibadah semasa Ramadan,' katanya.

Setiap seorang daripada mereka menerima bekalan makanan seperti beras, minyak, gula dan sardin, selain wang tunai \$50.

Ketika ditemui, Presiden Pertapis, Encik Hussaini Abdullah, berkata pihaknya sentiasa memerlukan bantuan untuk membantu masyarakat yang kurang bernasib baik.

Beliau mengalu-alukan bantuan yang diberi kepada pihaknya oleh pelbagai badan diri dan derma daripada pihak individu.

'Kami memang mempunyai ramai orang yang tampil untuk mendapatkan bantuan dan masih lagi memerlukan bantuan orang ramai,' kata Encik Hussaini.

Salah seorang daripada mereka yang menerima habuan semalam ialah Cik Maimun Mohamed Bakri, 78 tahun.

Beliau, yang tinggal seorang diri di sebuah rumah sewa di Chai Chee Avenue, gembira kerana menerima habuan tersebut.

'Bolehlah saya masak makanan yang sedap sikit untuk berbuka puasa nanti,' kata ibu yang telah kehilangan anak tunggal dan suaminya beberapa tahun lalu.

Habuan juga diagihkan kepada kaum bukan Islam.

Seorang daripada mereka ialah Encik Choo Choong Cheong, 80 tahun.

Beliau, seorang bujang dan kini tinggal bersama seorang rakan di sebuah rumah sewa di Merpati Road, berkata:

'Saya akan berkongsi makanan yang diberi ini dengan rakan serumah saya,' katanya.